

BULETIN SIHAT MADANI



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BIL.1- /2023

KAMI SEDIA MEMBANTU



KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG BERKENAN BERANGKAT MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN PUSAT BERSALIN, KLINIK KESIHATAN TEKEK, PULAU TIOMAN



KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN BERANGKAT MENGUNJUNGI HOSPITAL SULTANAH HAJJAH KALSONI (HOSHKA) CAMERON HIGHLANDS



YB MENTERI KESIHATAN MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA SULTAN KEDAH DI ISTANA ANAK BUKIT, ALOR SETAR KEDAH



HEART FAILURE CONFERENCE



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG BULETIN SIHAT MADANI

Ketua Pengarang
Yamuna Perimalu

Pengarang
Mona Ang

Pegawai Penyelaras
Nor Shahsuhaida binti Muhamad Nor
Nurul Nadiah binti Zaipol


Infografik
Mohd Iswandy bin Wally


Sidang redaksi Buletin Sihat Madani Bil.1-3/ 2023 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan Buletin Sihat Madani Bil.1-3/ 2023.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Buletin Sihat Madani
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my

 <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>

 <https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>

 <https://twitter.com/KKMPutrajaya>



Buletin Sihat Madani

Isi Kandungan



**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG BERKENAN
BERANGKAT MENYEMPURNAKAN
MAJLIS PERASMIAN PUSAT BERSALIN,
KLINIK KESIHATAN TEKEK, PULAUTIOMAN**

01

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN
BERANGKAT MENGUNJUNGI
HOSPITAL SULTANAH HAJJAH KALSOM
(HOSHKA) CAMERON HIGHLANDS**

02



**'CLOCK OUT' SEMPENA MAJLIS
PERSARAAN, KETUA SETIAUSAHA KKM**

40

**KONGRES PERSATUAN PAKAR BEDAH
ENDOKRIN ASIA KE-18**

44





KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG BERKENAN BERANGKAT MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN PUSAT BERSALIN, KLINIK KESIHATAN TEKEK, PULAU TIOMAN

Menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di atas perkenan kewujudan pusat bersalin Klinik Kesihatan (KK) Tekek di Pulau Tioman dan kurniaan peralatan-peralatan seperti *'advanced portable ventilator'*, *'high-end ultrasound machine'* dan *'cardiac monitor defibrillator'* untuk kegunaan penduduk Pulau Tioman pada 19 Februari 2023.

Sebuah ambulan pacuan empat roda (4WD) juga telah diterima pada 17 Februari 2023. Penempatan aset-aset jenis ini di Klinik Kesihatan merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Peruntukan perolehan aset dan menaik taraf pusat bersalin KK Tekek telah disumbangkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan perolehan aset diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Tioman (TDA).

Turut hadir sama menyambut keberangkatan tiba DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah YAB Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, YB Tuan Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, pengurusan tertinggi Kerajaan Negeri Pahang, Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan JKN Pahang.





KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN BERANGKAT MENGUNJUNGI HOSPITAL SULTANAH HAJJAH KALSOM (HOSHKa) CAMERON HIGHLANDS

Pada 6 Mac 2023, merafak sembah dan menjunjung kasih KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan berangkat melawat Hospital Sultanah Hajjah Kalsom (HoSHKa) Cameron Highlands.

Keberangkatan tiba KDYMM Seri Paduka Baginda disambut oleh YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan. HoSHKa telah beroperasi sejak 1 Januari 2007. Kini hospital ini beroperasi dengan kapasiti 40 katil, 4 buah wad, 4 bilik bersalin dan 2 dewan bedah meliputi 16 orang Pegawai Perubatan, 58 Jururawat dan 20 orang Penolong Pegawai Perubatan.

Hospital ini telah berjaya memulakan pembedahan Ortopedik dan pembedahan Am pada 1 Disember 2022. Sehingga kini sebanyak 61 kes pembedahan telah berjaya dijalankan. Pada 2 Februari 2023 lalu, sejajar dengan Initiative Global Surgery KKM bagi meningkatkan pembedahan melibatkan kepakaran lain, hospital ini telah melakar sejarah pertama kalinya menjalankan Pembedahan Laparoskopik melibatkan kepakaran Obstetrik dan Ginekologi.

KDYMM Raja Permaisuri Agong juga turut berkenan melawat Jabatan Kecemasan dan Trauma serta menyantuni pesakit di wad wanita bersama YB Menteri Kesihatan dan Pengurusan Tertinggi KKM.

Turut hadir YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Arif, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor, Ahli Parlimen Cameron Highlands, YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang dan Dr. Nur Dianah binti Amiruddin, Pengarah HoSHKa.





KESIAPSIAGAAN CPRC DALAM FUNGSI DAN PERANAN MENGHADAPI PENINGKATAN KES COVID-19

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Respons Krisis (*Crisis Preparedness and Reponse Centre – CPRC*) Kebangsaan pada 3 Januari 2023 untuk meninjau kesiapsiagaan bagi menghadapi kemungkinan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia.

YB Menteri Kesihatan telah diberi penerangan mengenai fungsi, peranan dan kaedah atau cara pengendalian operasi CPRC. CPRC yang berperanan untuk menyelaras aktiviti kesiapsiagaan dan tindak balas bagi menangani semua jenis hazard dan semua jenis kejadian kesihatan awam seperti wabak penyakit berjangkit, bencana alam, Mass Casualty Incident (MCI), dan *Chemical, Biological, Radiological, Nuclear explosives* (CBRNe).

Turut hadir Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).





MYSEJAHTERA: LEBIH MUDAH UNTUK TEMPAH SLOT TEMU JANJI KLINIK



Lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Presint 18 telah diadakan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia pada 3 Januari 2023.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk melihat situasi di lapangan pelaksanaan awal inisiatif janji temu menggunakan aplikasi MySejahtera bagi Perkhidmatan Kesihatan Primer. YB Menteri Kesihatan juga amat berpuas hati dengan persediaan yang dibuat oleh kesemua kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di klinik-klinik kesihatan seluruh Malaysia untuk memastikan proses pendaftaran kehadiran pesakit hingga ke konsultasi dan rawatan serta pemberian tarikh slot janji temu susulan yang akan datang berjalan lancar.

Turut hadir sama ialah YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha KKM dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).

SARINGAN KEPADA PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja khas ke KLIA dan KLIA 2 pada 3 Januari 2023.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk meninjau kesiapsiagaan menerima ketibaan pengembara dari seluruh dunia susulan daripada perkembangan kejadian jangkitan COVID-19 di peringkat antarabangsa. Sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang dilaporkan di beberapa negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan saringan demam kepada semua pengembara yang tiba dari luar negara di Pintu Masuk Antarabangsa.

Turut hadir sama, YBhg. Datuk Dr Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam), YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari Bin Ngadiman, Pengarah JKN Selangor, YBrs. Dr Harishah Binti Talib, Pegawai Kesihatan KLIA Pakar Perubatan Kesihatan Awam, PK KLIA dan YBhg. Dato' Iskandar Mizal Mahmood, Pengarah Urusan Malaysia Airport Holding Berhad.



WARGA KKM LEBIH BERSEMANGAT DAN BERSEDIA DI TAHUN 2023



YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia telah menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2023, Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan Serbaguna, KKM pada 6 Januari 2023.

YB Menteri Kesihatan berharap agar warga kementerian mengambil iktibar daripada pengalaman dan cabaran yang telah dilalui sepanjang tahun 2022 agar warga KKM lebih bersemangat dan bersedia untuk mengharungi cabaran tahun 2023. Beliau juga turut menyatakan bahawa Kerajaan memandang serius terhadap perkembangan terkini mengenai situasi penularan pandemik COVID-19 di luar negara.

Bagi mendepani perkembangan berkenaan, KKM harus terus memperkukuhkan kesiapsiagaan dalam semua aspek. Antara yang turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha, KKM, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, dan pengurusan tertinggi KKM yang lain.





KUNJUNGAN HORMAT WAKIL WHO KE KKM

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada YBrs. Dr. Rabi Abeyasinghe, wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Ketua Pejabat Negara WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 9 Januari 2023.

Sesi kunjungan berkenaan bertujuan membincangkan pelbagai isu kesihatan di Malaysia. YB Menteri Kesihatan menekankan bahawa KKM komited untuk menangani isu beban kekurangan zat makanan, mengurangkan penyakit tidak berjangkit yang berkaitan dengan diet (NCD), memperkukuhkan keselamatan makanan dan pemakanan melalui dasar seperti Dasar Pemakanan Nasional Malaysia (NNPM) 2.0.

KKM juga turut memperjuangkan isu-isu seperti larangan merokok di kalangan generasi muda melalui program Generational End Game (GEG) melalui pelbagai program berasaskan komuniti. KKM turut memfokuskan usaha pembangunan Kertas Putih Kesihatan (HWP).





PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL PENDANG MENELAN KOS SEBANYAK 2 RATUS JUTA

Duli Yang Amat Mulia, Tunku Shazuddin Ariff Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Mahkota Kedah telah menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Hospital Pendang pada 12 Januari 2023 di Kedah. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan bersama-sama YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya. Objektif utama pembinaan Projek Hospital Pendang adalah untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat setempat serta kawasan sekitarnya.

Projek yang dilaksanakan secara Reka dan Bina ini memuatkan sebanyak 126 katil pesakit dan empat (4) dewan bedah, sekaligus menjadikan Hospital Pendang dikategorikan sebagai hospital pakar minor. Projek Pembinaan Hospital Pendang, Kedah telah diluluskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM255.27 juta melibatkan kos pembinaan dan perolehan peralatan perubatan serta bukan perubatan.

Hadir sama ialah YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.





PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI BERPERANAN MENGURUS UBAT-UBATAN DI MALAYSIA

Lawatan kerja oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah diadakan ke Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 13 Januari 2023.

YB Menteri Kesihatan telah diberi taklimat oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dan dibawa melawat ke Makmal Forensik Siber, Makmal Forensik Kimia dan Makmal Traditional & Kosmetik.

Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk lebih mengenali dan memahami fungsi dan peranan setiap bahagian dalam Program Perkhidmatan Farmasi. Program tersebut merupakan sebuah program yang bertanggungjawab menerajui pengurusan perkhidmatan ubat-ubatan di Malaysia. Antaranya termasuk inisiatif Perkhidmatan Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga (UM3).

Turut hadir sama ialah YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha KKM dan YBrs Puan Norhaliza binti A Halim, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi.





MEMAKSIMUMKAN SUMBER DAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI DALAM SISTEM KESIHATAN

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menerima kunjungan daripada Pengurusan Tertinggi KPJ Healthcare Berhad yang diketuai oleh YBhg. Datuk Md Arif Bin Mahmood, Pengerusi KPJ Healthcare Berhad di Ibu Pejabat KKM pada 17 Januari 2023.


Beberapa aspek kesihatan telah dibincangkan seperti pendigitalan sistem kesihatan, pembiayaan kesihatan, perkongsian teknologi perubatan dan isu-isu lain yang berkaitan. Kunjungan yang diadakan ini juga adalah bagi memastikan KKM dan pihak penyedia kesihatan swasta dapat bergerak seiring dan memaksimumkan sumber serta keupayaan teknologi.

YB Menteri Kesihatan juga telah menyentuh isu keperluan untuk difokus dan diperkasakan lagi 'Public-Private Partnership' (PPP) bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat diberikan dengan efisien dan berkesan kepada semua lapisan masyarakat. Beliau amat menghargai cadangan dan saranan yang telah diberikan oleh pihak KPJ Healthcare Berhad dalam pertemuan tersebut.





YB MENTERI KESIHATAN MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR DI ISTANA BUKIT SERENE, JOHOR BAHRU



Pada 19 Februari 2023, Menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor atas perkenan menerima mengadap YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan di Istana Bukit Serene, Johor Bahru. Berangkat sama, DYMM Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah.

Menjunjung titah DYMM Tuanku yang amat menitikberatkan kualiti perkhidmatan perubatan, kemudahan serta kebersihan di fasiliti-fasiliti KKM terutamanya di Johor.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, YB Ling Tian Soon, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, YB Khairin-Nisa Ismail dan Pengarah Kesihatan Johor, Dato' Dr Aman Rabu.



MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL TANJONG KARANG, SELANGOR



Pada 9 Februari 2023, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor atas kesudian berangkat mencemar duli merasmikan Hospital Tanjong Karang, Selangor.

Pembinaan hospital ini adalah bagi menggantikan bangunan Hospital Tanjong Karang sedia ada yang kini telah berusia 57 tahun, sejak pengeoperasiannya pada tahun 1966. Hospital baharu ini berstatus Hospital Pakar Minor dengan 10 perkhidmatan kepakaran (in-house) yang disediakan secara berfasa. Sebanyak 150 katil telah ditambah menjadikan jumlah keseluruhan katil (di Hospital lama dan Hospital baharu) adalah sebanyak 262 katil.

Sultan Selangor dalam ucapan menyatakan penghargaan kepada semua warga Kesihatan Malaysia di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan Hospital Tanjong Karang dapat memberikan perkhidmatan kesihatan optimum kepada masyarakat setempat khususnya rakyat negeri Selangor. KKM akan terus bekerjasama

dengan semua pihak untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selamat.

Turut hadir bersama ialah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YB Dato' Haji Haris bin Kasim Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari bin Ngadiman, Pengarah JKN Selangor.





MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SAMBUTAN HARI KANSER SEDUNIA



Pada 18 Februari 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan program Sambutan Hari Kanser Sedunia anjuran Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Johor di Plaza Angsana Johor.

Hari Kanser Sedunia ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan menangkis stigma masyarakat bahawa kanser bukan pengakhiran hidup dan boleh diubati. Program seumpama ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang realiti kanser yang sebenar dan sekaligus dapat meningkatkan akses yang terbaik kepada masyarakat tentang pengesanan awal, diagnosis dan rawatan yang terbaik untuk penyakit ini seiring dengan tema Hari Kanser Sedunia pada tahun ini iaitu *Close The Care Gap*.

Turut hadir bersama YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YB Dato' Dr. Aman bin Rabu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), YB Dato' Mohamed Perang bin Haji Musa, Pengarah Eksekutif Tunku Laksamana Johor Cancer Foundation (TLJCF) serta YBrs. Encik Mohd Ikmal Izam bin Zaini, Ketua Pegawai Eksekutif Tunku Laksamana Johor Cancer Foundation (TLJCF).



MAJLIS PERASMIAN INTERNATIONAL SHOWCASE ON ECONOMIC EMPOWERMENT OF PEOPLE WITH AUTISM 2023



Pada 11 Februari 2023, YB Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa telah merasmikan *International Showcase on Economic Empowerment of People with Autism 2023* (ISEEPA) anjuran Universiti Islam Selangor (UIS) di Pusat Konvensyen UIS Kajang.

ISEEPA yang bertemakan “*Promoting Sustainability, Inclusivity and Equity*” ini adalah salah satu platform bagi pemegang taruh untuk berbincang, berkongsi pandangan dan idea bagi membuka lebih banyak peluang yang boleh membantu individu autisme. Selain itu, penganjuran ISEEPA ini membuka ruang kepada pusat-pusat pemberdayaan autisme mengetengahkan usaha pemerikasaan ekonomi golongan autisme selari dengan prinsip Malaysia Madani iaitu ihsan dan kebersamaan bagi menjamin kesejahteraan insan.

Turut hadir YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi Majlis Agama Islam

Selangor, YBhg. Prof Madya Dato’ Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah, Rektor UIS, YBrs. Dr. Latifa Bibi binti Musafar Hameed, Pengarah Pusat Penyelidikan Antarabangsa, Ekonomi dan Kewangan Islam, UIS merangkap Pengarah Program ISEEPA serta YBrs. Tuan Cason Ong Tze Chuan, Setiausaha Kehormat Persatuan Kebangsaan Autism Malaysia.





MAJLIS PERASMIAN WELLNESS HUB HOSPITAL SULTANAH AMINAH (HSA), JOHOR BAHRU

Pada 19 Februari 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan merasmikan Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru. *Wellness Hub*, HSA adalah Wellness Hub pertama dan merupakan *One Stop Centre* bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan kepada komuniti setempat.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh *Wellness Hub* tertumpu kepada pembinaan kemahiran (*skill oriented*) melalui intervensi pembudayaan hidup sihat. Program ini merupakan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti syarikat swasta, pemimpin, persatuan dan komuniti setempat. KKM telah menyediakan sebanyak 31 *Wellness Hub* yang sedang beroperasi sepenuhnya di bandar dan luar bandar seluruh Malaysia. Program *Wellness Hub* tersebut merupakan salah satu cara bagi merealisasikan hasrat KKM untuk mewujudkan rakyat Malaysia Madani yang peka dan prihatin terhadap kesihatan.

Turut hadir YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha KKM, YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha KKM (Kewangan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati bin Rusli, Timbalan Ketua Pengarah

Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YB Dato' Dr. Aman bin Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor





MAJLIS PERASMIAN WAD PSIKIATRI KANAK-KANAK DAN REMAJA (IRIS D), HOSPITAL PERMAI JOHOR BAHRU

Pada 19 Februari 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan merasmikan Wad Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja (Iris D), Hospital Permai Johor Bahru. Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di Malaysia kini semakin membimbangkan.

Pendedahan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, mendapati 424,000 kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental, iaitu sebanyak 9.5 peratus kanak-kanak yang berusia 10 hingga 15 tahun. Wad Iris D yang bertempat di Kompleks Iris Hospital Permai ini telah beroperasi sepenuhnya untuk pesakit kanak-kanak dan remaja sejak bulan Januari 2023. Perkhidmatan khusus untuk kanak-kanak dan remaja seumpama ini merupakan yang pertama di Malaysia kerana Hospital Permai mempunyai ruang dan lokasi yang bersesuaian.

Fokus perkhidmatan di wad ini adalah pemeriksaan dan rawatan kepada pesakit yang berusia antara 4 hingga 18 tahun, bagi pelbagai masalah kesihatan mental. Perkhidmatan ini juga bertujuan untuk memberikan sokongan dan bimbingan kepada ibu bapa, penjaga serta mereka yang terlibat dalam pengurusan pesakit.

Turut hadir YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha KKM, YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha KKM (Kewangan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YB Dato' Dr. Aman bin Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor.



SIMPOSIUM 'SERDANG HEART DISEASE IN PREGNANCY' (SHE-DIPS 2.0)

Pada 4 Mac 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menyempurnakan Majlis Perasmian Simposium 'Serdang Heart Disease in PREGNANCY' (SHE-DIPS 2.0) di Auditorium Hospital Serdang. Simposium SHE-DIPS 2.0 anjuran Jabatan Kardiologi Hospital Serdang dengan kerjasama Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) Hospital Serdang merupakan suatu inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan penyakit jantung bagi mengurangkan kes morbiditi dan mortaliti dalam kalangan ibu mengandung bagi pengamal perubatan dan ahli khidmat sokongan kesihatan.

Simposium SHE-DIPS 2.0 adalah platform terbaik untuk meningkatkan pengetahuan terhadap penyakit jantung dalam kalangan ibu mengandung di Malaysia.

Turut hadir YBhg. Dato' Zainal Alhakab bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Dr Amin Sah bin Ahmad, Pengarah Hospital Serdang, YBrs. Dr Karen Sharmini a/p Sandanasamy, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkembangan Perubatan, YBrs. Dr Faizul bin Mat Arifin, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, YBhg. Datuk Dr Abdul Kahar bin Abdul Ghafar dan Ketua Perkhidmatan Kardiologi Kementerian Kesihatan Malaysia merangkap Ketua Jabatan Kardiologi Hospital Serdang.





MAJLIS PERASMIAN WORLD CANCER DAY CELEBRATION & RADIOTHERAPY LINAC LAUNCH DI HOSPITAL KPJ DAMANSARA

Pada 23 Februari 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir merasmikan *World Cancer Day Celebration & Radiotherapy Linac Launch* bertempat di Hospital KPJ Damansara. Kanser merupakan salah satu penyakit tidak berjangkit yang menjadi punca utama kematian di dunia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan peningkatan sebanyak 93 peratus atau 19.3 juta kes kanser baharu dikesan pada 2020, berbanding 10 juta kes pada 2000. Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan peningkatan sebanyak 11% menyumbang kepada 115,238 kes bagi tempoh 2012 hingga 2016 berbanding 103,507 kes bagi tempoh 2007 hingga 2011. Pada tahun 2020 sahaja, 48,639 kes kanser baharu dan 29,530 kematian akibat kanser direkodkan.

Sebanyak 63.7 peratus daripada semua kes kanser yang dilaporkan sudah berada di Peringkat 3 dan 4 apabila mereka didiagnosis. KKM menyokong penuh sambutan Hari Kanser Sedunia untuk menyebarkan kesedaran dan menggalakkan pencegahan, pengesanan, rawatannya, dan menggalakkan penggubal dasar lain dalam mewujudkan polisi dan sistem penjagaan berkaitan kanser.





MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN TAMBAHAN HOSPITAL SEGAMAT, JOHOR

Pada 25 Februari 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Segamat, Johor. Penyerahan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool, Ketua Pengarah Kerja Raya kepada YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan Malaysia. Pembinaan bangunan tambahan adalah bertujuan menambahbaik dan mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan di Hospital Segamat yang menerima peningkatan bilangan pesakit dari tahun ke tahun dan dijadualkan akan beroperasi secara berfasa mulai 5 Mac 2023.

Bangunan tambahan ini melibatkan pertambahan 67 katil pesakit meliputi Jabatan Kecemasan dan Trauma yang mengandungi 37 katil, Dewan Bedah

4 katil, Intensive Care Unit (ICU) 18 katil, High Dependency Unit (HDU) 8 katil, Central Sterile Supply Department (CSSD) dan Respiratory and Haemodynamics Unit (RHU). Disamping itu, KKM bukan sahaja menyediakan Bangunan Tambahan Hospital Segamat, malah turut menyediakan 422 lot tempat letak kereta tambahan untuk mengatasi isu kesesakan.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) KKM, YB Dato' Dr. Aman bin Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan YBrs. Ir. Abu Bakar bin Abdul Aziz, Pengarah Jabatan Kerja Raya Johor.





YB MENTERI KESIHATAN MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA SULTAN KEDAH DI ISTANA ANAK BUKIT, ALOR SETAR KEDAH

Pada 12 Februari 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah atas perkenan menerima mengadap di Istana Anak Bukit, Alor Setar. Dalam sesi mengadap tersebut, YB Menteri Kesihatan telah bicara soal sektor kesihatan seperti infrastruktur di Hospital, pembinaan Pusat Kanser Zon Utara, dan beberapa isu khusus bagi Negeri Kedah Darul Aman yang amat memprihatinkan Tuanku Sultan.





MAJLIS PERASMIAN WORLD CANCER DAY FUN RUN 2023

Pada 11 Mac 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan acara *World Cancer Day Fun Run 2023* yang merupakan acara penutup bagi sambutan Hari Kanser Sedunia yang disambut di seluruh dunia pada 4 Februari setiap tahun.

Hari Kanser Sedunia disambut di seluruh dunia dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai untuk mengambil bahagian dalam mencegah dan mengawal penyakit kanser yang kian meningkat. Tahun 2023, merupakan tahun kedua bagi tema '*Close The Care Gap*' (Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser).

Tema ini digunakan untuk mengajak semua agensi dan orang ramai untuk memahami ketidaksamaan dalam penjagaan kanser dan sama-sama memainkan peranan dalam menangani jurang ini supaya setiap pesakit menerima penjagaan kanser secara adil dan saksama. Kanser, tetap masih ada harapan untuk dicegah, dikesan awal, untuk dirawat dengan baik dan sembuh.

Turut hadir YBhg. Dato Dr. Asmayani Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Mohd Anis Haron, Pengarah Institut Kanser Negara, YBrs. Dr. Muhamad Azrin Omar, Timbalan Pengarah (Perubatan II) Institut Kesihatan Negara dan YBrs. Dr. Feisul Idzwan Bin Mustapha Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit).



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SEMPENA HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA



Pada 4 Mac 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan merasmikan Program Khidmat Masyarakat sempena Hari Buah Pinggang Sedunia anjuran Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Yayasan Negeri Sembilan dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Felda Sendayan, Negeri Sembilan.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kepedulian masyarakat tentang kepentingan kesihatan buah pinggang serta tindakan pencegahannya. Program ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti, antaranya adalah saringan kesihatan dan konsultasi kesihatan bersama pakar perubatan HUKM secara percuma, ceramah kesihatan dan pelancaran buku menu diet untuk pesakit buah pinggang.

Pelbagai aktiviti turut dilaksanakan iaitu aktiviti pertandingan mewarna, *mini explore*, pertandingan masakan menu sihat serta cabutan bertuah. Pengunjung juga berpeluang untuk membuat pemeriksaan status kesihatan buah pinggang secara percuma dan terus mendapatkan konsultasi daripada pakar. YB Dr. Zaliha dalam ucapannya mengingatkan semua pihak bahawa penyakit buah pinggang boleh dicegah melalui

amalan gaya hidup sihat.

Ia juga boleh dikesan dengan lebih awal melalui pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Turut hadir YB Tuan Veerapan Supramaniam, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi Dan Kepenggunaan, YBhg. Prof Dato' Teknokogis Dr Norazah Mohd Nordin, Timbalan Main Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat) UKM, YBhg. Dato' Muhammad Nazri Kassim, Pengarah Yayasan Negeri Sembilan, YBhg. Prof Dato' Dr Hanafiah Harunarashid, Pro Main Canselor (Kampus Kuala Lumpur), dan YBhg Prof Dr Abdul Halim Abdul Gafar, Dekan Fakulti Perubatan UKM.





SAMBUTAN HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Pada 11 Mac 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa telah menyempurnakan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Dataran Nilai, Bandar Baru Nilai.

Tema sambutan Hari Buah Pinggang ialah *“Preparing for the Unexpected, Supporting the Vulnerable”* iaitu bersedia untuk sebarang kemungkinan, melindungi golongan rentan. Tema dipilih kerana kesan ketara akibat bencana alam seperti banjir dan bencana pandemik global seperti pandemik COVID-19.

Oleh yang demikian, fokus utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah untuk mengubah penjagaan pesakit (*sick care*) kepada penjagaan kesihatan (*health care*) dengan meluaskan promosi (*promotive health*) dan pencegahan (*preventive*) penyakit sebagai sebahagian daripada fokus baharu terhadap pengurusan penyakit tidak berjangkit (*Non-communicable diseases, NCD*).

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Dato' Dr. Zaki Morad Mohd Zaher, Presiden Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), YBrs. Dr. B. Sunita V. Bavanandan, Ketua Perkhidmatan Nefrologi KKM, YBrs. Dr. Lily Mushahar, Presiden Persatuan Nefrologi Kebangsaan (MSN).





MAJLIS PELANCARAN PERSIDANGAN KEJURURAWATAN ANTARABANGSA 2023

Pada 5 Mac 2023, YB Menteri Kesihatan Dr. Zaliha Mustafa melancarkan Persidangan Kejururawatan Antarabangsa 2023 anjuran Kumpulan Profesional Kejururawatan Sdn Bhd atau 'Nursing Professional Group' (NPG) di LaCrista Hotel, Melaka.

Persidangan Kejururawatan Antarabangsa dijalankan secara hybrid yang mana seramai 300 orang jururawat hadir secara fizikal dan seramai 100 lagi peserta hadir secara maya dari semua negeri. Persidangan tersebut bertemakan 'Invest In Nursing: Then, Now, and What's to Come'. YB Dr. Zaliha menyatakan bahawa jururawat merupakan tulang belakang dalam penjagaan kesihatan negara.

YB Dr. Zaliha menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk memastikan kesejahteraan jururawat dan segala urusan profesion itu dipermudahkan dalam era Malaysia Madani ini.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Dr. Rusdi Abd Rahman, Pengarah Jabatan Kesihatan Melaka, Profesor Zahrah Saad, Pengerusi Kumpulan Profesional Kejururawatan, Puan Devi A/P Saravana Muthu, Pengarah Kejururawatan KKM dan Profesor Dr. Rohani Arshad, Pengerusi Pengelola Persidangan merangkap Pengasas Kumpulan Profesional Kejururawatan.





LAWATAN KERJA KE KLINIK KESIHATAN BANDARAYA MIRI

Pada 3 Januari 2023 YB Lukanisman bin Awang Sauni Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Bandaraya Miri. Klinik Kesihatan Bandaraya Miri secara fizikal telah siap 100% dan kini dalam proses melengkapkan peralatan dan kelulusan beberapa aspek yang perlu bagi membolehkan klinik beroperasi.

Pihak JKR dan Pejabat Kesihatan Bahagian Miri telah memberikan taklimat kepada YB Lukanisman bin Awang Sauni. Klinik Bandaraya Miri mampu menampung kapasiti pesakit seramai 500 hingga 800 orang pesakit sehari, menawarkan perhidmatan pakar keluarga, ibu dan anak serta mempunyai 15 bilik rawatan dan 5 bilik unit pergigian.

Turut hadir YB Dato Sri Lee Kim Shin, Menteri Pengangkutan Sarawak, YB Datuk Sebastian Ting, Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, YB Chiew Choon Man, Ahli Parlimen Miri dan Dr Jack Wong Siew Yu, Pengarah Hospital Miri.





LAWATAN KERJA KE HOSPITAL SIMUNJAN, SARAWAK

Pada 7 Januari 2023, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Simunjan.

Satu sesi taklimat telah disampaikan oleh Dr. Noraziela binti Morney, Pengarah Hospital Simunjan. Beliau telah melawat sekitar hospital dan mengambil peluang menyantuni warga kerja hospital serta beramah mesra dengan pesakit-pesakit di hospital berkenaan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua petugas-petugas kesihatan atas pengorbanan dan jasa terutamanya yang bertugas di kawasan pedalaman dengan mendepani cabaran fasiliti yang serba kekurangan.

Turut hadir bersama ialah YB Rodiyah Sapiee, Ahli Parlimen Batang Sadong, YB Awla Dris, ADUN Simujan dan YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak, YBrs. Dr. Rosemawati binti Ariffin, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Kesihatan Awam) dan En. Paul Sazin Anak Riget, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Pengurusan).





LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK HOSPITAL PETRA JAYA, KUCING

Pada 8 Januari 2023, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Projek Hospital Petra Jaya, Kuching. Lawatan YB Lukanisman bertujuan meninjau kerja terbengkalai bagi pembinaan Hospital Petra Jaya yang sebelum ini kategori sebagai projek sakit.

Hospital Petra Jaya dibina di atas tanah seluas 41 hektar dengan sebanyak 300 katil dan dijangka akan siap pada November 2024. Hospital ini juga menyediakan sebanyak 1,569 tempat letak kereta dan sebanyak 1,283 tempat letak motor. Seterusnya, YB Lukanisman Awang Sauni, telah mengadakan lawatan ke Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching. Pada masa yang sama, beliau juga telah diberikan taklimat mengenai perjawatan warga KKM di Sarawak.

Turut hadir bersama ialah YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak, YBrs. Dr. Rosemawati Binti Ariffin, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Kesihatan Awam) dan En. Paul Sazin Anak Riget, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Pengurusan).





LAWATAN KERJA KE KLINIK KESIHATAN BAKO

Pada 16 Januari 2023, YB Lukanisman Awang bin Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Bako hari ini. Satu sesi taklimat telah diberikan oleh Dr. Mohd Nur Yusuf, Pegawai perubatan dan Primer Bahagian Kuching.

YB Lukanisman telah melawat sekitar Klinik Kesihatan Bako serta menyantuni semua warga kerja KKM dan juga beramah mesra dengan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan klinik kesihatan tersebut. Klinik Bako mula beroperasi pada tahun 1965 dan ditukar ke Klinik Desa Bako pada Tahun 1997.

Pada tahun 2001, Klinik Kesihatan Bako mula dibina dan beroperasi sehingga sekarang dengan purata harian kedatangan pesakit seramai 76 orang pada tahun 2022.

Turut hadir YB Dr. Haji Hazlan, Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar, YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak, YBrs. Dr. Rosemawati binti Ariffin, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Kesihatan Awam) dan En. Paul Sazin Anak Riget, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Pengurusan).





LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN KE KLINIK KESIHATAN PANTAI DAMAI, SARAWAK



YB Lukanisman Awang bin Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Pantai Damai, Kuching pada 16 Januari 2023 yang lalu.

YB Lukanisman telah diberi taklimat oleh pegawai bertugas mengenai klinik tersebut. Beliau turut berkesempatan beramah mesra dengan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di klinik kesihatan tersebut. Perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh klinik kesihatan ini adalah Jabatan Pesakit Luar dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak.

Turut hadir bersama ialah YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda Utiliti dan Telekomunikasi, YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak, YBrs. Dr. Rosemawati binti Ariffin, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Kesihatan Awam) dan En. Paul Sazin Anak Riget, Timbalan Pengarah JKN Sarawak (Pengurusan).



PEMBERIAN BOOSTER DOS VAKSIN COVID-19 SECARA WALK-IN DI LAPANGAN TERBANG MIRI, SARAWAK



Pada 25 Januari 2023 YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah membuat tinjauan kepada warga kerja Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah mengadakan pemberian *Booster* Dos Vaksin Covid-19 secara “*Walk-In*” di Lapangan Terbang Miri, Sarawak.

Pemberian *Booster* telah diberikan kepada warga kerja Airport Miri dan orang awam. Dr. Noor Izni telah memberikan penerangan tentang aktiviti yang dijalankan. Turut hadir bersama Residen Miri, Tuan Abdul Aziz.





MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI KANSER SEDUNIA 2023

Pada 4 Februari 2023, YB Lukanisman Sauni telah menghadiri sambutan Hari Kanser Sedunia di Institut Kanser Negara. Tema Hari Kanser adalah Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser (*Close the Care Gap*). YB Lukanisman turut merasmikan Forum Hari Kanser peringkat kebangsaan. Sambutan telah diadakan untuk berjumpa pejuang-pejuang Kanser, NGO dan pihak Farmaseutikal.

Turut hadir adalah pesakit kanser dari golongan OKU. YB Lukanisman telah memberi cadangan agar syarikat penerbangan mempunyai empati kepada pesakit kanser dengan menawarkan harga tiket terendah bagi mendapatkan rawatan luar Sarawak dan Sabah dan juga kawasan pantai timur.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GRAND SMILE OPERATION INITIATIVE (GSOI) DI HOSPITAL LAHAD DATU, SABAH

Pada 6 Februari 2023 YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Program *Grand Smile Operation Initiative* (GSOI) bertempat di Hospital Lahad Datu, Sabah. Objektif utama program *Grand Smile Operation Initiative* (GSOI) ini merupakan satu inisiatif untuk menjalankan kes pembedahan sumbing (bibir dan langit).

Program ini juga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit tersebut. Menerusi program ini, rawatan boleh dilakukan di Hospital Lahad Datu. Program GSOI ini menasarkankan jumlah pembedahan sebanyak 58 kes.

Program *Grand Smile Operation Initiative* (GSOI) akan berlangsung selama 5 hari bermula 6 Februari sehingga 11 Februari 2023. Ia melibatkan 11 pakar Bedah Mulut dari seluruh negara, 3 Pakar Bius, 4 Pakar Kanak-Kanak dan anggota kesihatan yang lain dari Hospital Lahad Datu.



Turut hadir bersama ialah YB Datuk James Ratib, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Merangkap Exco Kesihatan Negeri Sabah, YBhg Datuk Dr Rose Nani binti Mudin, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah dan YBrs Dr. Andi Mohd Shamsureezal bin Datuk Mohd Sainal, Pengarah Hospital Lahad Datu dan YBrs Dr. Noormi binti Othman, Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian Malaysia.



LAWATAN KERJA KE PEJABAT KESIHATAN BAHAGIAN MIRI

Pada 1 Februari 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan (YBTMK), telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Pejabat Kesihatan Bahagian Miri, Sarawak. Ketibaan YBTMK telah disambut oleh warga kerja Pejabat Kesihatan dan telah diberi taklimat mengenai situasi terkini Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer dan Perkhidmatan Kesihatan Farmasi bagi Bahagian Miri.

YB Lukanisman seterusnya menyampaikan amanat kepada anggota kesihatan dan menyarankan mereka sentiasa berusaha memberi dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada warga setempat.



LAWATAN KE KLINIK DESA SAPAGAYA DAN KLINIK KESIHATAN LAHAD DATU

Pada 6 Februari 2023 YBTMK meneruskan lawatan beliau ke Negeri Sabah di Bawah Bayu. Beliau telah turun padang meninjau operasi Klinik Desa Sapagaya yang dilanda banjir pada 25 Januari 2023 yang lalu. Klinik Desa Sapagaya telah beroperasi pada tahun 1975 dan mempunyai 11 orang petugas kesihatan dengan anggaran populasi seramai 12,150 orang penduduk. Lawatan beliau diteruskan ke Klinik Kesihatan Lahad Datu.

Turut hadir ialah YBhg Datuk Dr. Rose Nani binti Mudin, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, YBrs Dr. Noormi binti Othman, Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian Malaysia dan YBrs Dr. Zaiton binti Haji Tahir, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pergigian.



LAWATAN KERJA KE HOSPITAL WANITA DAN KANAK-KANAK SABAH

Pada 7 Februari 2023, YBTMK telah mengadakan lawatan ke Hospital Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Pada Tahun 2009, Hospital Likas telah diberi penjenamaan baharu kepada Hospital Wanita & Kanak-Kanak Sabah (HWKKS). Hospital ini mempunyai sebanyak 667 katil dan mencatat kadar kelahiran bayi yang tertinggi di Malaysia.

YB Lukanisman telah meninjau keadaan di wad kecemasan, Wad Antenatal (wad sebelum bersalin), wad post Natal, wad kanak-kanak dan Unit rawatan rapi neonate (NIUC). Dalam lawatan tersebut, beliau juga berkesempatan beramah mesra dgn pesakit-pesakit yang mendapat rawatan kesihatan di hospital tersebut serta menyantuni warga petugas.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah YBhg. Datuk Dr. Rose Nani binti Mudin, Pengarah JKN Sabah, YBhg. Datuk Dr. Abd Kahar bin Abd Asis, Timbalan Pengarah JKNS (Perubatan), YBrs. Dr. Asits bin Sanna, Timbalan Pengarah JKNS (Kesihatan Awam) dan YBrs. Dr. Marcus Netto, Pengarah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah.





HEART FAILURE CONFERENCE

Pada 3 Mac 2023 YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan *Heart Failure Conference* atau Persidangan Kegagalan Jantung oleh Institut Jantung Negara (IJN) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) hari ini.

Persidangan selama dua hari tersebut merupakan satu platform untuk sesi perkongsian pengetahuan yang lebih meluas di kalangan profesional perubatan mengenai pengurusan kegagalan jantung. Satu sesi menandatangani memorandum antara pihak IJN dan Medtronic telah diadakan bertujuan menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kardiovaskular untuk meningkatkan rawatan, penjagaan dan penyelidikan mengenai penyakit jantung dan vaskular.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Dr. Rozali Wathooth, Pengerusi, Lembaga Pengarah IJN, YBhg. Datuk Dr. Aizai Azan Abdul Rahim, Ketua Pegawai Eksekutif, IJN, YBrs. Dr. Hasri Samion, Ketua Pegawai Klinikal, IJN dan YBhg. Dato' Dr. Azmee Mohd Ghazi, Pengerusi Penganjur, Persidangan Kegagalan Jantung IJN 2023.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM CERTIFIED RECOVERY COACH 2.0



Pada 15 Mac 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program *Certified Recovery Coach 2.0* anjuran Majlis Penyalahgunaan Bahan Malaysia (MASAC) peringkat kebangsaan dengan kerjasama bersama Yayasan Bank Rakyat dan Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Hotel Puteri Bay, Melaka.

YB Lukanisman merakamkan penghargaan kepada pihak MASAC yang memperjuangkan pelbagai isu berkait masalah penagihan dadah dan kepentingan MASAC. YB Lukanisman menyatakan bahawa program ini dapat memberi impak dengan menghasilkan lebih ramai profesional dan

berkelayakan yang akan membantu pihak kerajaan dan swasta dalam memastikan penagih dapat dibantu dan sekaligus mewujudkan sistem sokongan atau *peer group support* dalam mengurangkan bilangan mereka yang kembali menagih.

Turut hadir ialah Encik Muhammad Nur Iman bin Hairusalleh, Wakil Yayasan Bank Rakyat, Puan Noor Azrimah Ahmad, Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Melaka, Prof Madya Dr Mohamad Isa bin Amat, Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Encik Ahmad Lutfi Abdul Latiff, Presiden Majlis Penyalahgunaan Bahan Malaysia (MASAC) dan Tuan Raja Azizan Suhaimi, Setiausaha Agung MASAC





MAJLIS NATIONAL CHILDHOOD CANCER CARNIVAL

Pada 17 Mac 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan bersama YB Anthony Loke Siew Fok, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyempurnakan Majlis *National Childhood Cancer Carnival* dan seterusnya melancarkan *National Childhood Cancer Alliance* di Pusat Pelancongan Malaysia, Ampang, Kuala Lumpur.

Kanser dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat dan tanggungan beban terhadap ibu bapa/ keluarga kanak-kanak kanser turut bertambah. Kanser bukan sahaja memberi kesan kepada pesakit, malah ia turut memberi kesan kepada keluarga pesakit. KKM sedang berusaha untuk mencari kaedah terbaik dengan menambahkan fasiliti kemudahan kesihatan yang sedia ada untuk menampung keperluan yang kian meningkat.

YB Lukanisman berharap agar dengan adanya *National Childhood Cancer Alliance*, bukan sahaja memberi sokongan kepada kanak-kanak dari Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan, Johor, Melaka, Sabah dan Sarawak, malah mampu mengeratkan lagi kerjasama di antara NGO dan pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi keberkesanan penjagaan pesakit kanser kanak-kanak.

Turut hadir bersama ialah Y.Bhg. Datuk Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, En. Jeevan Rajoo, Ketua Pegawai Eksekutif Tata Consulting Services, En. Philip See, Ketua Kumpulan Kelestarian Malaysia Aviation Group dan Dr. M. Murallitharan, Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MYHEALTHYMIND@PPR BUKIT JALIL



Pada 18 Mac 2023, YB Lukanisman Awang Sauni Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan pelancaran Program MyHealthyMind@PPR di Bukit Jalil hari ini sebagai inisiatif untuk memberi kesedaran kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) berkenaan kesejahteraan kesihatan minda.

Di samping itu, beliau juga turut melancarkan Laporan Kajian "*Contributing Factors To Psychological Distress, Coping Strategies, And Help-Seeking Behaviours Among Adolescents Living In Klang Valley's PPR*". Program serta laporan yang diperolehi ini adalah susulan daripada kajian yang dijalankan pada tahun 2022 semasa pandemik COVID-19.

Kajian ini meneroka faktor penyumbang kepada tekanan psikologi, strategi daya tindak dan tingkahlaku mendapatkan bantuan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang tinggal di PPR, di Lembah Klang. Ia juga merupakan kolaborasi antara UNICEF, Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental

Kebangsaan (NCEMH), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius terhadap isu kesihatan mental ini dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kesejahteraan mental masyarakat Malaysia sentiasa terjaga.

Turut hadir, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan KKM, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), KKM, YBrs. Miss Hayon Nam, Chief Adolescent Development & Participation (ADAP), UNICEF, YBrs. Dr. Zulkarnain Abd Karim Pengurus Institut Kesihatan Negara dan YBrs. Dr. Manimaran a/l Krishnan Kaundan Pengarah Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan.



PROGRAM LARIAN IMR FUN RUN 2023

Pada 11 Februari 2023 - YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan hadir ke program larian IMR Fun Run 2023 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor.

Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) merupakan sebuah institut penyelidikan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang ditubuhkan pada tahun 1900. IMR ditubuhkan sebagai Institut Patologi di Kuala Lumpur, bertujuan untuk memperbaiki taraf kesihatan penduduk tempatan serta meneroka bidang perubatan tropika yang luas dan masih tidak diketahui.

Program IMR Fun Run 2023 merupakan aktiviti sempena Sambutan 123 Tahun IMR, merupakan program anjuran bersama IMR dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sempena program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan (SAHTK) Edisi Februari 2023. Program ini bertujuan untuk meningkatkan keterlihatan IMR di kalangan masyarakat.

Di samping itu, program ini juga merupakan satu medium untuk menyebarkan peranannya penyelidikan bioperubatan yang merupakan peranan IMR kepada masyarakat di samping menggalakkan masyarakat

mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah.

Turut hadir ialah YBrs. Tuan Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Shah Alam, YBhg. Dato' Zamzuri Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rosli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Zulkarnain Abd Karim, Pengurus Institut Kesihatan Negara (NIH) dan YBrs. Dr. Haji Tahir Aris, Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).



'CLOCK OUT' SEMPERNA MAJLIS PERSARAAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Pada 24 Februari 2023, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan sesi 'clock out' sempena persaraan wajib di lobi Blok E7, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, bermula usia persaraan beliau dan fasa baharu sebagai pesara kerajaan.

Khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang menerajui KKM dan perkhidmatan awam amnya akan dikenang selamanya. Kegigihan beliau dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan berjalan lancar terutamanya ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19 amat dihargai. Pemeraksanaan pendigitalan sektor kesihatan merupakan aspirasi beliau sejak mula menerajui KKM.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Zamzuri Bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Terima kasih diucapkan di atas segala pengorbanan, sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan oleh beliau.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT / PEMANGKUAN KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Pada 16 Februari 2023, YBhg. Datuk Harjeet Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat/ pemangkuan Kumpulan Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertempat di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.

YBhg. Datuk Harjeet Singh mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima dan mengingatkan agar terus mempertingkatkan prestasi kerja serta melaksanakan yang terbaik demi kementerian kesihatan amnya dan kesejahteraan rakyat Malaysia khususnya.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Alhakab Bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan YBhg. Dato' Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan).





KPK MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE NEGERI PERLIS

YBhg Tan Sri Dato' Sri Noor Hisham Abdullah telah mengadakan lawatan kerja di negeri Perlis pada 12 Januari 2023 untuk mempengerusikan mesyuarat bersama Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Dr Ismuni Borhan dan turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Dato' Dr. Asmayani bt Khalib, Timbalan-timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Perlis, Pengarah Hospital Kangar, dan ketua-ketua jabatan.

Lawatan ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan di negeri ini kekal cemerlang. Majlis dialog dengan warga kerja kesihatan di negeri Perlis turut diadakan untuk mendengar pandangan dan isu-isu bagi memperkukuhkan lagi penyampaian kesihatan negeri Perlis. Semasa lawatan kerja ini juga, pertukaran pandangan dan pendapat bersama Exco Kesihatan Negeri Perlis, YB Tuan Megat Hashirat bin Hassan tentang isu-isu semasa.





KUNJUNGAN HORMAT OLEH PASUKAN PROJEK ARCH (PROJECT FOR STRENGTHENING THE ASEAN REGIONAL CAPACITY ON DISASTER HEALTH MANAGEMENT)

Pada 3 Mac 2023, satu kunjungan hormat oleh Pasukan Projek ARCH (*Project for Strengthening the ASEAN Regional Capacity on Disaster Health Management*) telah diadakan bersama YBhg. Tan Sri Dato' Seri Noor Hisham Abdullah sempena lawatan kerja mereka ke Kementerian Kesihatan berhubung penganjuran *Regional Collaboration Drill (RCD) 2023* yang akan diadakan di Malaysia pada bulan September nanti.

Matlamat utama projek ini adalah pembangunan kapasiti khususnya di dalam kesiapsiagaan dan respon kesihatan dalam menghadapi sebarang bencana di negara-negara anggota ASEAN dan membolehkan rantau ini berhadapan dengan situasi berkenaan bersesuaian dengan slogan '*One ASEAN, One Response*'.

Penganjuran RCD 2023 ini adalah salah satu aktiviti utama di dalam projek ini bagi membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia menyemak dan menilai semua strategi, garis panduan dan prosedur yang telah dihasilkan dalam pengurusan kesihatan bencana dari aspek keberkesanan dan keupayaan

praktikalnya untuk memberikan tindak balas yang cepat dan berkesan dalam menghadapi sebarang bencana yang berlaku. Kementerian Kesihatan Malaysia berharap dengan penganjuran RCD 2023 di Kuala Lumpur tahun ini ianya juga dapat mengeratkan jalinan kerjasama dan kolaborasi dengan negara anggota ASEAN lain khususnya di dalam bidang pengurusan kesihatan bencana.

Di samping itu, sesi perkongsian pengetahuan dan pengalaman yang akan diperolehi melalui acara ini dapat memantapkan lagi petugas-petugas kesihatan dan perubatan di rantau ini bagi menghadapi sebarang bencana sama ada di dalam atau di luar negara.





KONGRES PERSATUAN PAKAR BEDAH ENDOKRIN ASIA KE-18

Pada 16 Mac 2023, YBhg Tan Sri Dato' Sri Noor Hisham Abdullah telah menghadiri Kongres Persatuan Pakar Bedah Endokrin Asia Ke-18 di Dewan Hitotsubashi, Chiyodaku, Tokyo, Jepun. Pandemik COVID-19 telah mengganggu kehidupan dalam pelbagai cara dan tidak terkecuali bidang pembedahan endokrin .

Walaupun dalam menghadapi kesukaran, AsAES terus memainkan peranan penting dalam memajukan bidang pembedahan endokrin dan meningkatkan perkhidmatan dalam menyelesaikan kes tertunggak. Pasukan Endokrin mesti terus menyesuaikan diri dan berkembang untuk memenuhi keperluan dan bidang pembedahan endokrin yang mencabar.

Memupuk kerjasama dan inovasi di kalangan ahli dan berusaha untuk menangani jurang kesihatan global dan keperluan yang tidak dipenuhi dalam pembedahan endokrin terutamanya di negara berpendapatan sederhana dan rendah. Kongres ini juga bertujuan untuk membincangkan penambakan persatuan demi perkembangan Persatuan Pakar Bedah Endokrin dan menghargai komitmen yang diberikan oleh semua ahli persatuan.



